

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 109

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan menyedari bahawa kes-kes warga asing yang melakukan jenayah di pelbagai tempat di negeri Sabah seperti di Ranau menimbulkan kerisauan yang berasas di kalangan rakyat tempatan Sabah dan meminta pelbagai pihak Kementerian menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi mengelakkan perkara ini berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Jenayah berstatus Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tidak terlepas daripada perundangan negara dan akan menerima hukuman setimpal dengan kesalahan mengikut keputusan mahkamah. Pihak penguatkuasa seperti PDRM telah menjalankan tugas bagi membanteras jenayah tidak mengira status kewarganegaraan penjenayah. Pihak PDRM negeri Sabah telah mempertingkatkan usaha membendung isu jenayah di seluruh daerah dengan melaksanakan operasi cegah jenayah di kawasan tumpuan yang melibatkan kehadiran PATI.

2. Bagi pesalah berstatus PATI yang telah tamat hukuman di negeri Sabah, pesalah berkenaan akan ditempatkan di Pusat Tahanan Sementara untuk proses pengusiran ke negara asal.

Sekian, terima kasih.